



BIL: Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (12)

Tarikh: 9 Februari 2026

MBPJ LANCAR PODCAST SULUNG “EKSPRESI PJ”, DATUK BANDAR TAMPIL DALAM EPISOD PERTAMA

Petaling Jaya, 9 Februari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus memperkukuh pendekatan komunikasi digital apabila melancarkan podcast rasmi sulungnya, “**Ekspresi PJ**”, sebagai medium baharu penyampaian maklumat dan interaksi yang lebih segar bersama warga bandar raya ini.

Podcast berbentuk rakaman berdurasi kira-kira 30 minit ini akan dimuat naik secara konsisten **setiap Selasa pada jam 12.00 tengah hari** menerusi saluran YouTube rasmi MBPJ, **PJCityCouncil**, sebagai platform perkongsian informasi yang lebih santai, mudah diakses serta bersifat interaktif selari dengan landskap komunikasi digital masa kini.

Episod pertama menampilkan penampilan istimewa **YBhg. Dato’ Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon**, Datuk Bandar Petaling Jaya yang berkongsi aspirasi kepimpinan bandar raya serta hala tuju perkhidmatan MBPJ dalam memperkasa kesejahteraan komuniti di Petaling Jaya.

Siaran sulung podcast ini telah dimuat naik pada **20 Januari 2026**, manakala **episod kedua** menampilkan **YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya**, yang turut berkongsi pandangan berkaitan inisiatif dan peranan MBPJ dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat dan persediaan MBPJ menjelang SUKMA 2026.

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya, “Ekspresi PJ” bukan sekadar kandungan digital, malah menjadi wadah penting untuk merapatkan jurang komunikasi antara pentadbiran bandar raya dan masyarakat melalui pendekatan yang lebih terbuka, inklusif serta mudah difahami oleh pelbagai lapisan komuniti.

Podcast ini bakal mengupas pelbagai topik berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MBPJ, antaranya pengurusan bandar, inisiatif kelestarian, kebersihan dan kesihatan awam, perancangan pembangunan, penguatkuasaan, program komuniti serta promosi pelbagai program dan acara anjuran MBPJ sepanjang tahun.

Selain itu, setiap episod akan menampilkan tetamu jemputan yang berbeza, termasuk pengarah jabatan, pegawai kanan MBPJ serta rakan strategik agensi bagi membincangkan secara lebih mendalam pelbagai isu, inisiatif dan perkhidmatan yang memberi impak langsung kepada warga Petaling Jaya.

Inisiatif ini selari dengan komitmen MBPJ untuk terus memperkukuh strategi komunikasi digital serta memastikan penyampaian maklumat rasmi dapat disalurkan secara tepat, telus dan berimpak tinggi kepada masyarakat.

Orang ramai dijemput untuk melanggan dan mengikuti saluran YouTube rasmi MBPJ bagi mendapatkan episod terkini “**Ekspresi PJ**” serta pelbagai kandungan informatif berkaitan pembangunan dan perkhidmatan bandar raya Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (13)

Tarikh: 12 Februari 2026

HUJAN LUAR BIASA DAN FAKTOR HIDROLOGI CETUS BANJIR KILAT, MBPJ PERGIAT TINDAKAN TEBATAN DAN PERMOHONAN PAM KEKAL

Petaling Jaya, 12 Februari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengesahkan kejadian banjir kilat yang berlaku pada **17 November 2025** dan **30 Disember 2025** di **Jalan Sri Manja** (Persimpangan Taman Buana Perdana / Jalan PJS 3/25) serta **Lebuhraya New Pantai Expressway (NPE) Exit 1005 – U-Turn** Taman Dato' Harun / Jalan Maju Jaya adalah berpunca daripada kombinasi faktor cuaca ekstrem, kedudukan geografi serta kenaikan mendadak paras Sungai Klang.

Berdasarkan data yang direkodkan oleh **Stesen Sungai Klang Jambatan Petaling** di bawah **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor**, kejadian ini adalah di luar kebiasaan serta dipengaruhi oleh beberapa faktor utama, iaitu:

1. Keamatan Hujan Sangat Luar Biasa (Violent Shower)

Jumlah hujan yang direkodkan adalah sebanyak **182mm dalam tempoh dua (2) jam**, bersamaan purata taburan hujan bulanan seperti yang dilaporkan Jabatan Meteorologi Malaysia. Dalam tempoh satu (1) jam pertama sahaja, bacaan mencatatkan 79mm, yang diklasifikasikan sebagai *violent shower* atau hujan sangat lebat. Intensiti ini berada di luar kapasiti reka bentuk kebanyakan sistem saliran bandar.

2. Pertembungan Dua Sungai Utama

Kawasan Jambatan Petaling merupakan titik strategik pertembungan antara **Sungai Klang dan Sungai Penchala**. Volum air yang tinggi dari kedua-dua sungai secara serentak telah menyebabkan kapasiti sungai meningkat ke tahap maksimum dalam masa yang singkat.

3. Faktor Topografi Rendah

Lokasi terjejas berada pada kedudukan topografi yang rendah. Faktor muka bumi ini menyebabkan air larian permukaan (surface runoff) tertumpu dan bertakung di kawasan berkenaan, sekali gus memberi tekanan mendadak kepada sistem saliran sedia ada.

4. Kenaikan Paras Sungai dan Fenomena *Backflow*

Paras air Sungai Klang direkodkan melonjak daripada aras normal **10.3 meter kepada 12.93 meter**. Kenaikan drastik ini telah mencetuskan fenomena backflow (aliran balik) di beberapa outlet yang belum dilengkapi dengan **Struktur Kawalan Limpahan Sungai (SKALIS)**, mengakibatkan limpahan air di atas jalan dengan kedalaman antara **150mm hingga 400mm** di beberapa lokasi.



Walau bagaimanapun, bagi outlet yang telah dilengkapi SKALIS (Outlet 2 hingga 5), mekanisme *flip gate* berfungsi dengan baik dan berjaya menghalang aliran balik air dari Sungai Klang ke sistem perparitan Majlis.

TINDAKAN SEGERA DAN SIAP SIAGA

MBPJ melalui Unit Saliran dan Cerun, Jabatan Kejuruteraan telah melaksanakan tindakan segera seperti berikut:

- Kerja pembersihan dan *desilting* parit hujan lebat sepanjang jajaran terlibat;
- Penempatan pam mudah alih dan lori sebagai langkah siap siaga di Balai Raya Taman Sri Manja;
- Cadangan pemasangan CCTV mudah alih serta sistem siren bagi pemantauan aras air secara masa nyata;
- Lawatan tapak bersama pemaju dan agensi berkaitan bagi memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan segera.

Bagi kejadian pada 30 Disember 2025 di Lebuhraya NPE, siasatan bersama mendapati terdapat kolam tadahan/longkang tanah di lot persendirian yang cetek serta dipenuhi enapan dan sampah sehingga menjejaskan kelancaran aliran air. MBPJ telah mengarahkan pihak pemaju melaksanakan kerja pembersihan, pelebaran dan pendalaman longkang serta pembinaan perangkat sampah di bahagian *inlet*.

MBPJ turut menjalankan pemantauan rapi di lokasi-lokasi terlibat dan memastikan aset sokongan berfungsi dengan optimum bagi mempercepatkan pengaliran air sebaik paras sungai menurun.

PROJEK TEBATAN DAN KEPERLUAN PAM KEKAL

Untuk makluman, kawasan Taman Sri Manja telah disenaraikan sebagai hotspot banjir kilat dan berada dalam pemantauan berterusan MBPJ.

Antara inisiatif tebatan yang telah dilaksanakan:

- Pembinaan dua (2) kolam **On-Site Detention (OSD)**;
- Pembinaan **Struktur Kawalan Limpahan Sungai (SKALIS)** pada tahun 2024;
- Cadangan menaikkan aras Jalan Sri Manja sehingga **600mm – 900mm** oleh pihak pemaju.

Namun demikian, sistem sedia ada hanya mampu menampung keamatan hujan sekitar **60mm sejam** dengan anggaran keberkesanan 80% tanpa sistem pam kekal.

Sehubungan itu, MBPJ telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** bagi pemasangan pam kekal lengkap dengan bekalan elektrik tetap, CCTV, siren dan lampu limbah dengan anggaran kos **RM2 juta** bagi empat lokasi utama.

Daripada jumlah tersebut, kelulusan setakat ini hanya diberikan bagi pembinaan SKALIS di Taman Sri Manja dengan anggaran kos RM600,000. MBPJ sedang memperincikan skop kerja dan akan terus berusaha mendapatkan baki peruntukan bagi memastikan penyelesaian jangka panjang dapat direalisasikan.

MBPJ ingin menegaskan bahawa setiap lokasi banjir di Petaling Jaya direkod dan dipantau secara sistematik di bawah senarai *hotspot* banjir. Perancangan penambahbaikan sistem saliran dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan risiko dan keupayaan peruntukan.

Selaras dengan aspirasi Petaling Jaya sebagai sebuah **Bandar Selamat & Berdaya Tahan (Safe & Resilient City)**, MBPJ komited memperkukuh infrastruktur tebatan banjir, mempertingkatkan pemantauan risiko serta memastikan kesejahteraan penduduk dan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara.

Majlis turut menyeru kerjasama semua pihak termasuk pemaju dan komuniti setempat agar memastikan sistem perparitan disenggara dengan baik dan tidak dijadikan lokasi pembuangan sampah haram, demi mengurangkan risiko limpahan air pada masa hadapan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling
Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (14)

Tarikh: 13 Februari 2026

MBPJ PUPUK KEHARMONIAN DAN SANTUNI GOLONGAN RENTAN MELALUI SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA 2026

Petaling Jaya, 13 Februari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini meraikan **Sambutan Tahun Baharu Cina 2026** dengan penuh kemeriahan di **Dataran Boulevard** dan **Jalan Tengah, Seksyen 52**, menzahirkan semangat perpaduan, keharmonian dan keterangkuman yang menjadi tunjang kestabilan sosial bandar raya ini. Sambutan kali ini bertemakan **Tahun Kuda**, simbol keberanian, tenaga, kemajuan dan daya tahan, sejajar dengan aspirasi Petaling Jaya sebagai bandar raya progresif yang sentiasa bergerak ke hadapan.

Sambutan perayaan dalam kalangan masyarakat Malaysia daripada pelbagai agama, etnik dan budaya adalah identiti unik di negara ini. Di MBPJ, sambutan setiap kaum bukan sekadar tradisi tahunan, tetapi juga platform integrasi sosial yang mewujudkan persefahaman dan hubungan harmoni dalam komuniti berbilang kaum.

Sambutan Tahun Baharu Cina 2026 disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya. Hadir sama ialah Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran, Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Gasing serta Tuan Halimey bin Abu Bakar, Penyelaras DUN Taman Medan.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar menekankan bahawa majlis ini bukan sahaja sebagai perayaan, tetapi juga medium strategik untuk menyemai muhibah, mengeratkan silaturahim dan memupuk pemahaman budaya dalam kalangan masyarakat.

“Sambutan terbuka ini merangkumi nilai perkongsian, kebersamaan dan penghargaan bersama yang mentakrifkan keunikan sosial di Petaling Jaya,” kata Datuk Bandar.

Sebagai manifestasi keprihatinan terhadap golongan memerlukan, MBPJ turut menyampaikan **sumbangan tunai RM300** kepada **100 penerima** daripada keluarga B40 yang dikenal pasti melalui pangkalan data e-Kasih dan pencalonan Ahli Majlis.

Dalam majlis yang sama, menerusi **Program Jalinan Kasih 3R PJKita**, lima (5) buah pusat jagaan warga emas — **Tetuan Wei Ai Care Centre (Taman Kanagapuram, Seksyen 18)**, **Shal Home Care (Seksyen 5)**, **The Mansion (Jalan Gasing, Seksyen 6)**, **Stella Maris Home (Seksyen 6)** dan **PJ Care Centre (Seksyen 14)** telah menerima sumbangan barangan terpakai terpilih serta baucar pembelian bernilai RM300. Inisiatif ini merupakan usaha memperkukuh sokongan komuniti di samping menggalakkan amalan kelestarian 3R (Reduce, Reuse, Recycle).

Ia juga selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI** yang menekankan nilai kesejahteraan, hormat dan ihsan serta menyokong **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)** untuk pembangunan inklusif dan mampan.

Sambutan tahun ini turut dimeriahkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan termasuk tarian singa dan naga, persembahan orkestra Cina, nyanyian serta persembahan 'buskers'. Aktiviti tradisi seperti cabutan bertuah dan pemberian angpau kepada kanak-kanak serta warga emas menambah lagi kemeriahan acara.

Para pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai sajian makanan tempatan daripada 15 gerai yang menawarkan hidangan istimewa seperti nasi ayam, char kuey teow, dim sum, apam balik dan kuih nyonya. MBPJ telah menyediakan jamuan untuk 1,000 tetamu bagi memastikan semua yang hadir dapat berkongsi kegembiraan perayaan ini.

Sebagai simbolik perasmian, acara menggaul **yee sang** dan aktiviti **kaligrafi Cina** juga diadakan bagi melambangkan kemakmuran, tuah dan kebahagiaan bersama.

Datuk Bandar menegaskan, "Penganjuran sambutan perayaan ini menggariskan komitmen berterusan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memperkukuh perpaduan sosial, meningkatkan keharmonian antara etnik dan memastikan kestabilan berterusan. Elemen ini kekal sebagai tonggak utama dalam memacu pembangunan dan kemakmuran jangka panjang Petaling Jaya."

Dengan semangat Tahun Kuda 2026, MBPJ berharap warga Petaling Jaya akan terus cergas, berani, berdedikasi dan berjaya dalam mengejar aspirasi peribadi dan kolektif sekali gus menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang bahagia, progresif dan mampan untuk semua.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat, Majlis
Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (15)

Tarikh: 13 Februari 2026

ISU KENDERAAN TERBIAR MENINGKAT, MBPJ AMBIL TINDAKAN TEGAS

Petaling Jaya, 13 Februari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memandang serius peningkatan isu kenderaan reput dan terbiar di Petaling Jaya, khususnya di kawasan perumahan berkepadatan penduduk yang menjejaskan imej bandar serta kesejahteraan komuniti setempat.

Hasil pemantauan dan operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan, MBPJ mendapati trend peningkatan ini dipengaruhi beberapa faktor antaranya kurangnya pengetahuan pemilik mengenai kaedah pelupusan kenderaan lama, kenderaan rosak yang dibiarkan tanpa pergerakan dalam tempoh panjang, pemilik yang telah berpindah tanpa menguruskan kenderaan, serta kesukaran pihak Majlis untuk mengalihkan kenderaan akibat kepadatan serta kaedah meletakkan kenderaan yang tidak teratur. Selain itu, bidang kuasa terhad di kawasan berstrata turut menjadi cabaran utama dalam pelaksanaan tindakan penguatkuasaan.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak **1,006 aduan** berkaitan kenderaan terbiar telah diterima oleh MBPJ. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2,831 notis amaran** mengalihkan kenderaan terbiar telah dikeluarkan, **1,585 tindakan penguatkuasaan pindah alih** dilaksanakan dan **998 kenderaan** telah dilupuskan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Dalam pelaksanaan operasi, MBPJ turut berdepan beberapa cabaran termasuk kekangan kapasiti depoh simpanan sementara, peningkatan kos pengurusan, kesukaran mengesan pemilik yang gagal mengemas kini maklumat dengan agensi berkaitan, serta kes yang melibatkan siasatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau tuntutan insurans bagi kenderaan kemalangan dan terbakar. Halangan fizikal di lapangan semasa operasi menunda juga memberi kesan kepada tempoh penyelesaian kes.

Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa serta Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). MBPJ turut mendapatkan maklumat pemilikan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi tujuan pengesanan sebelum sebarang tindakan pelupusan dijalankan mengikut prosedur operasi standard (SOP).

Sebagai langkah jangka pendek, MBPJ akan terus memperkukuh kolaborasi bersama PDRM dan JPJ serta mempergiat operasi bersepadu di lokasi tumpuan aduan. Bagi jangka panjang pula, MBPJ sedang meneliti penambahan kapasiti depoh simpanan sementara termasuk di kawasan rezab talian Tenaga Nasional Berhad (TNB), di samping memperhebat sesi libat urus dan hebahan kesedaran awam khususnya di kawasan berstrata.



Sehubungan itu, orang ramai diseru agar bertanggungjawab mengurus dan melupuskan kenderaan lama atau rosak mengikut saluran yang sah serta tidak membiarkan kenderaan terbiar di ruang awam. Kerjasama komuniti amat penting bagi memastikan Petaling Jaya kekal sebagai bandar yang lestari, berdaya huni dan selamat untuk semua.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat, Majlis
Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (16)

Tarikh: 14 Februari 2026

PENGURUSAN PERKUBURAN SISTEMATIK, MBPJ HARGAI PERANAN PENJAGA KUBUR

Petaling Jaya, 14 Februari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menekankan peranan penjaga kubur sebagai tonggak utama dalam memastikan pengurusan tanah perkuburan Islam di bandar raya ini sentiasa kemas, teratur, dan berwibawa.

Sumbangan mereka bukan sahaja memastikan liang lahad tersedia dan kawasan perkuburan diselenggara, tetapi turut menjaga adab, sensitiviti agama serta emosi waris sepanjang proses pengebumian.

Walaupun tugas ini jarang mendapat perhatian umum, penjaga kubur merupakan barisan hadapan yang memastikan setiap urusan pengebumian berlangsung dengan hormat dan menjunjung nilai kemanusiaan.

Sokongan dan Kebajikan Petugas

Bagi memastikan mutu perkhidmatan sentiasa terpelihara, MBPJ melantik kakitangan tetap dan kontrak yang berpengalaman dalam pengurusan tanah perkuburan. Sokongan yang disediakan merangkumi:

- i. Pendedahan kepada prosedur kerja dan standard operasi;
- ii. Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- iii. Kefahaman pengurusan jenazah mengikut syariat Islam.

Selain itu, aspek kebajikan dan kesejahteraan petugas turut diberi perhatian bagi memastikan tugas dapat dilaksanakan secara profesional, selamat dan berterusan.

Garis Panduan Jelas dan Pendigitalan Perkhidmatan

MBPJ mempunyai garis panduan serta standard operasi khusus bagi memastikan sensitiviti agama, emosi waris serta nilai kemanusiaan sentiasa dijunjung. Selaras dengan aspirasi bandar pintar, beberapa inisiatif pendigitalan telah dilaksanakan, termasuk:

- i. Sistem tempahan pengebumian secara digital;
- ii. Kemudahan pembayaran dalam talian;
- iii. Sistem carian kubur digital melalui aplikasi e-Pusara.

Pendigitalan ini membolehkan rekod pengebumian lebih sistematik, mengelakkan pertindihan lot dan memudahkan waris membuat carian lokasi pusara dengan cepat dan teratur.

Cabaran Pengurusan di Kawasan Bandar

Dalam konteks bandar raya yang pesat membangun, MBPJ mengenal pasti beberapa cabaran seperti ketidakpatuhan segelintir waris terhadap garis panduan, termasuk penggunaan batu nisan sungai, penanaman pelbagai jenis bunga, hiasan berlebihan di atas kubur, dan pembinaan struktur kubur yang tidak seragam.

Memandangkan tanah perkuburan berada di bawah seliaan MBPJ, aspek keseragaman, keselamatan dan landskap taman amat dititikberatkan bagi memastikan kawasan sentiasa kemas, tersusun serta mengekalkan konsep “kubur dalam taman”.

Memperkasa Kesedaran Awam

MBPJ komited mempergiat usaha meningkatkan kesedaran masyarakat melalui hebahan garis panduan pengurusan tanah perkuburan, galakan penggunaan sistem digital serta penerangan secara langsung kepada waris semasa urusan pengebumian dilaksanakan.

Usaha berterusan ini bertujuan mendidik masyarakat agar menghormati kawasan perkuburan, menjaga adab ketika menziarah dan memahami kepentingan peranan penjaga kubur sebagai sebahagian daripada perkhidmatan bandar yang penting.

Statistik Tanah Perkuburan Islam di Petaling Jaya

MBPJ kini menguruskan **lima (5) Tanah Perkuburan Islam** seperti berikut:

BIL.	KAWASAN	JUMLAH	BAKI LOT
1.	Tanah Perkuburan Islam Seksyen 9, Kota Damansara	8,927	835
2.	Tanah Perkuburan Islam PJS 4, Taman Medan	4,130	1,068
3.	Tanah Perkuburan Islam Kampung Tunku	7,200	-
4.	Tanah Perkuburan Islam Seksyen 19/1	5,500	-
5.	Tanah Perkuburan Islam Bukit Tandang	3,300	-

Daripada lima kawasan, hanya Tanah Perkuburan Islam Seksyen 9, Kota Damansara dan Tanah Perkuburan Islam PJS 4, Taman Medan masih aktif menerima pengebumian.

Penjaga kubur adalah wira senyap yang memastikan setiap urusan pengebumian dijalankan dengan tertib dan penuh adab. Sehubungan itu, MBPJ beriltizam untuk memastikan tanah perkuburan Islam di Petaling Jaya diurus dengan penuh penghormatan, profesionalisme dan wibawa.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat, Majlis
Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (17)

Tarikh: 25 Februari 2026

DYMM TENGGU PERMAISURI SELANGOR BERANGKAT SANTUNI BAZAR RAMADHAN MBPJ, PERKASA AGENDA “LESTARI & PRIHATIN” 2026

Petaling Jaya, 25 Februari 2026 – Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan mencemar duli berangkat ke **Program Santuni Bazar Ramadhan “Lestari & Prihatin” 2026** dan **Perasmian Ramadhan On Wheels@PJ** anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** yang berlangsung di **Bazar Ramadhan SS 6/1, Kelana Jaya**, hari ini.

Keberangkatan baginda menzahirkan sokongan institusi diraja terhadap usaha MBPJ dalam memperkasa usahawan mikro serta memastikan pengurusan bazar Ramadhan dilaksanakan secara teratur, mampan dan memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat.

Turut mengiringi baginda ialah YABhg. Datin Seri Masdiana binti Muhamad, Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Awal Selangor (PEKAWANIS), YBhg. Dato’ Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato’ Ts. Saipolyazan bin M. Yusop, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Menteri Besar Diperbadankan (MBI), YBhg. Datin Syarmila binti Yahaya, Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor dan YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi merangkap Ahli Dewan Negeri Seri Setia.

Tahun ini, Bazar Ramadhan MBPJ melibatkan **19 lokasi** dengan **1,316 petak niaga**, berteraskan **dua komponen utama** iaitu **Lestari** dan **Prihatin**. Pendekatan ini memperkukuh kesinambungan agenda “Bahagia & Lestari” yang diperkenalkan sebelum ini dengan penambahbaikan dari aspek kelestarian alam sekitar, kebajikan sosial dan pendigitalan.

Komponen Lestari: Kelestarian dan Pengurangan Sisa

Di bawah **komponen Lestari**, peniaga diwajibkan menggunakan pembungkusan biodegradasi sebagai langkah mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. MBPJ turut meneruskan **Program Kitar Semula Minyak Masak** di semua lokasi bazar dengan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak 1.575 kilogram bagi tempoh 2023 hingga 2025.

Bagi memperluas penyertaan komuniti, MBPJ memperkenalkan **Pertandingan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai** yang menawarkan insentif tunai kepada peniaga, orang awam dan warga kerja Majlis sebagai galakan memperluas budaya kitar semula dalam komuniti.

Inisiatif **MySaveFood** turut diperkasa bagi menangani pembaziran makanan melalui pengumpulan lebihan juadah untuk diagihkan kepada golongan memerlukan.



Tahun lalu, Majlis telah berjaya mengumpulkan 1,405.25 kg sisa makanan dan sejumlah 281.05 kilogram baja kompos telah dihasilkan melalui kerjasama bersama Eco Lestari Strategy.

Komponen Prihatin: Perkongsian Rezeki dan Solidariti Sosial

Komponen Prihatin menumpukan kepada usaha meringankan kos sara hidup melalui jualan juadah pada harga berpatutan serta galakan konsep jualan sambil menderma. Seramai **309 peniaga** menyertai **Program Jalinan Kasih** tahun ini dengan menyumbang juadah berbuka puasa untuk diagihkan kepada golongan memerlukan.

Pada majlis sama, baginda berkenan menyampaikan **Sumbangan Bakul Jalinan Kasih** kepada **20 penerima** dalam kalangan B40 sekitar Kelana Jaya yang menerima barangan keperluan asas dan wang tunai RM200.

Baginda turut berkenan merasmikan inisiatif **Ramadhan On Wheels@PJ** yang akan digerakkan ke enam lokasi kediaman terpilih sekitar Petaling Jaya. Menerusi program ini, barangan kitar semula seperti plastik dan tin akan ditukar kepada juadah berbuka puasa mengikut berat timbangan. Tahun ini, MBPJ bekerjasama dengan Restoran Syed Bistro dan Restoran Original Penang Kayu Nasi Kandar bagi penyediaan juadah kepada penerima.

Pendigitalan dan Kolaborasi Strategik

MBPJ memperuntukkan **RM30,000** bagi pelaksanaan **Kupon Digital Bazar Ramadhan** dengan kerjasama **MBI**. Setiap kupon bernilai **RM15** dan boleh ditebus di gerai bazar yang mengambil bahagian. **Kod QR Aduan Bazar Ramadhan 2026** turut diperkenalkan bagi memudahkan penyaluran maklum balas secara lebih pantas dan telus.

Majlis juga menjalinkan kerjasama bersama Sinar Harian dan Redoxon dalam menjayakan inisiatif kebajikan sepanjang Ramadhan. Menerusi kerjasama ini, seramai 100 ibu tunggal di sekitar Petaling Jaya telah menerima sumbangan beras sebagai sebahagian program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sinar Harian juga akan melaksanakan aktiviti CSR di tiga lokasi bazar terpilih dari 27 Mac 2026 hingga 4 Mac 2026. Kerjasama ini mencerminkan pendekatan inklusif MBPJ dalam menghimpunkan sektor awam dan swasta bagi memastikan manfaat penganjuran bazar dapat dirasai secara langsung oleh golongan yang memerlukan.

Kerjasama strategik bersama Agrobank di lokasi SS 6/1, Kelana Jaya turut menyokong inisiatif *cashless*, termasuk sumbangan 213 khemah kepada peniaga di lokasi berkenaan.

Pemantauan dan Penguatkuasaan Bersepadu

Bagi memastikan kelancaran operasi, pemantauan dilaksanakan di semua lokasi bazar melibatkan hampir 100 petugas merangkumi aspek keselamatan, lalu lintas, kebersihan, kesihatan dan pematuhan syarat lesen.

Sehingga 24 Februari 2026, sebanyak 153 notis, 131 kompaun dan 14 sitaan telah dikeluarkan hasil pemeriksaan di 18 lokasi bazar. MBPJ menegaskan tiada kompromi terhadap pelanggaran syarat, termasuk larangan menggaji warga asing atau memindah milik petak kepada pihak ketiga.

Sebagai pengiktirafan kepada peniaga yang mematuhi piawaian ditetapkan, **Anugerah Usahawan Mikro “Lestari & Prihatin” 2026** akan diberikan kepada **20 pemenang** yang dinilai berdasarkan aspek pematuhan, kebersihan, pendigitalan, inovasi, keceriaan dan penjagaan alam sekitar. Setiap penerima bakal menerima wang tunai RM500 serta kelebihan memilih petak bagi bazar tahun berikutnya.

Pelaksanaan menyeluruh ini memperlihatkan komitmen MBPJ dalam membentuk ekosistem bazar yang lebih sistematik, inklusif dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya yang mampan, berdaya saing dan sejahtera untuk semua.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695